



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### KPWKM LANCAR BANTUAN RAWATAN KESUBURAN (IUI) PERCUMA KEPADA 1,300 PASANGAN YANG LAYAK

**BERTAM, 26 FEBRUARI:** Peka terhadap penurunan Kadar Kesuburan Jumlah (*Total Fertility Rate*), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mengambil inisiatif melancarkan Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI) di Dewan Pavillion, Pusat Keluarga LPPKN Pulau Pinang hari ini.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyempurnakan pelancaran tersebut. Dalam ucapannya beliau menyatakan bahawa Kerajaan Madani telah memperuntukkan sejumlah RM6 Juta melalui Belanjawan 2025 bagi membiayai dua (2) kitaran rawatan kesuburan IUI kepada 1,300 pasangan yang layak secara percuma dan kempen advokasi infertiliti.

"Pihak Kerajaan berharap agar kemudahan dan subsidi rawatan kesuburan melalui Program BuAI ini dapat membantu lebih ramai pasangan merealisasikan impian mereka untuk membina keluarga," ujar beliau.

Tambah YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukry, inisiatif ini dilaksanakan bagi meningkatkan aksesibiliti dan kemudahan kepada pasangan berpendapatan isi rumah kurang RM10,000 dan tidak pernah mendapat sebarang bantuan kewangan daripada mana-mana agensi untuk menjalani rawatan Peranian Beradas (IUI). Kos rawatan Peranian Beradas (*Intrauterine Insemination, IUI*) di Pusat Subfertiliti Swasta dianggarkan antara RM 2,000 – RM3,000 bagi satu kitaran rawatan.

Dalam ucapannya YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukry juga mengumumkan bahawa pada 18 Februari 2025, LPPKN telah merekodkan kehamilan pertama melalui Program BuAI. Ini merupakan satu pencapaian yang amat bermakna dan beliau mengucapkan tahniah kepada pasangan yang terlibat. Kejayaan tersebut bukan hanya menandakan langkah penting dalam perjalanan kehidupan pasangan tersebut tetapi juga membuktikan bahawa program ini mampu memberikan sokongan yang diperlukan kepada pasangan yang sukar mendapatkan cahaya mata.

Selain itu, ia bagi memberi kesedaran kepada pasangan yang mempunyai masalah subfertiliti supaya segera mendapatkan rawatan kesuburan. Seramai 30,000 pasangan bakal mendapat manfaat kempen advokasi kesuburan dan kesejahteraan lelaki melalui platform media sosial, program fizikal dan *outreach* dengan tagline “Lebih Awal, Lebih Baik” di samping perkhidmatan kaunseling dan konsultasi.

Bagi pasangan yang layak, inisiatif BuAI boleh diakses melalui temu janji di 4 Klinik Subfertiliti LPPKN dan Klinik Fertiliti LPPKN (*Full Paying Patient*) seperti berikut;

- i. Klinik Subfertiliti LPPKN Kuala Lumpur (03-26040081/0128)
- ii. Klinik Subfertiliti LPPKN Johor (07-5588204)
- iii. Klinik Subfertiliti LPPKN Sarawak (08-2374677)
- iv. Klinik Subfertiliti LPPKN Pulau Pinang (04-5755215)
- v. Klinik Fertiliti Full Paying Patient (FPP) (011-6066 6021)

Hadir sama, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi LPPKN, YBrs. Puan Juwairiya binti Zulkifli, Timbalan Pengerusi LPPKN dan YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur bin Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri.

#####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
26 FEBRUARI 2025**